KUALA LUMPUR KEPONG BERHAD

197301001526 (15043-V)

POLISI KELESTARIAN KLK

30 OGOS 2018

ISI KANDUNGAN

SKOP POLISI **3**

PERNYATAAN KOMITMEN **3**

1. ALAM SEKITAR **3**
1.1 Tiada Penebangan Hutan (*No Deforestation*) 3
1.2 Melindungi Kawasan Tanah Gambut 3
1.3 1.3 Tiada Pembakaran 4
1.4 1.4 Melindungi Kawasan HCV 4
1.5 1.5 Mengurangkan Emisi Gas Rumah Hijau ("GHG") 4

2. SOSIAL – TEMPAT KERJA DAN KOMUNITI **4**
2.1 Menghormati dan Mengiktiraf Hak Pekerja 4
2.2 Menghormati Hak Pribumi dan Komuniti Tempatan 6
2.3 Memudahkan Kemasukan Pekebun Kecil ke dalam Rantaian Pembekalan 6

3. KEBOLEHKESANAN (TRACEABILITY) **7**

4. TADBIR URUS **7**
4.1 Integriti Perniagaan 7
4.2 Menyelesaikan Aduan, Rungutan dan Konflik yang boleh disahkan melalui Proses Terbuka, Telus dan Perundingan 7

5. PERLAKSANAAN DAN PEMATUHAN **7**
5.1 Pelan Perlaksanaan Berjangkamasa 8
5.2 Protokol Pematuhan 8
5.3 Pengesahan Bebas Pematuhan Polisi 8

6. MEMANTAU, MENILAI & MELAPORKAN **8**

SKOP POLISI

Kesemua operasi KLK yang berkaitan dengan pengeluaran minyak sawit, anak-anak syarikat, syarikat-syarikat usaha sama dan termasuk semua syarikat yang berada di bawah pengurusan KLK adalah tertakluk kepada Polisi Kelestarian ini. Selain itu, kesemua urusan perniagaan dan aktiviti perdagangan KLK perlu mematuhi Polisi ini.

PERNYATAAN KOMITMEN

KLK amat berkomited untuk memastikan produk-produknya dihasilkan secara mampan. Ini dapat direalisasikan melalui penilaian seimbang dan pembangunan operasi yang berterusan serta pada masa yang sama, memelihara dan memulihara persekitaran alam semula jadi, melindungi hutan yang berstok karbon tinggi, kawasan bernilai konservasi tinggi ("High Conservation Value - HCV") dan tanah gambut, meningkatkan taraf sosio-ekonomi dan menghormati hak asasi pekerja dan komuniti tempatan. Aspek-aspek penting ini diterapkan bukan sahaja dalam operasi hariannya tetapi juga dalam proses membuat keputusan untuk KLK.

KLK menerapkan Prinsip & Kriteria ("P&C") yang ditetapkan oleh Roundtable on Sustainable Palm Oil ("RSPO") sebagai asas amalan kemampanannya, dan komited kepada komitmen-komitmen berikut yang dibina atas keperluan RSPO.

1. ALAM SEKITAR

1.1 Tiada Penebangan Hutan (*No Deforestation*)

- Pengamalan dasar Tiada Penebangan Hutan yang ketat dengan menerapkan metodologi Pendekatan Stok Karbon Tinggi ("High Carbon Stock Approach – HCSA"), dan mengambil kira aspek keperluan sosial dan pelaksanaan panduan-panduan yang berkaitan serta tiada pembukaan hutan berstok karbon tinggi seperti yang terkandung dalam HCSA.
- Kawasan-kawasan pembangunan baru akan menjalani penilaian bersepadu HCV dan HCSA di mana penanaman baru akan diberikan keutamaan kepada kawasan stok karbon rendah (contohnya padang rumput atau scrub) yang dibuktikan bukan HCV dan di mana Persetujuan Bebas, Didahulukan dan Diiformasikan ("Free, Prior and Informed Consent - FPIC") telah diperolehi daripada pemegang hak.

1.2 Melindungi Kawasan Tanah Gambut

- Pengamalan Polisi Tiada Pembangunan dan Saliran Baru untuk Tanah Gambut yang tegas, tanpa mengira tahap kedalamannya.
- Melaksanakan Amalan Pengurusan Terbaik (Best Management Practices) di tanah gambut sedia ada yang ditanam dengan kelapa sawit. Ini termasuk pemantauan berkala untuk tahap paras air dan kadar penenggelaman.
- Menilai saliran dan genangan air di tanah gambut sedia ada yang ditanam dengan kelapa sawit dengan menggunakan kaedah yang disahkan oleh RSPO untuk menentukan kesesuaian penanaman semula.
- Bekerjasama dengan pakar-pakar untuk meneroka pilihan alternatif termasuk penggunaan paludikultur (Paludiculture) tanah gambut yang telah dipulihsemula, atau pemulihan tanah gambut bagi ekosistem gambut yang kritikal atau kawasan yang didapati tidak sesuai untuk penanaman semula.

1.3 1.3 Tiada Pembakaran

- Pengamalan Polisi Tiada Pembakaran yang tegas dalam semua operasi KLK termasuk penanaman baru dan penanaman semula.

1.4 1.4 Melindungi Kawasan HCV

- Pemuliharaan biodiversiti dengan mengenal pasti, melindungi dan mengekalkan kawasan HCV.
- Memastikan perlindungan dan kelangsungan semua spesis yang jarang ditemui atau terancam di kawasan konsesi dan berusaha untuk memberi impak positif kepada kelangsungan hidup mereka di kawasan-kawasan luar konsesi.

1.5 1.5 Mengurangkan Emisi Gas Rumah Hijau ("GHG")

- Meminimumkan emisi GHG daripada pembangunan kawasan baru untuk penanaman kelapa sawit.
- Emisi GHG akan dikurangkan secara progresif dalam semua perladangan dan operasi sedia ada dengan pematuhan ketat piawaian RSPO atau pensijilan yang setaraf dan semua perundangan negara yang berkaitan.
- Pelaporan awam mengenai sumber emisi GHG tahunan dan penentuan piawaian yang perlu dicapai untuk pengurangan secara progresif.

2. SOSIAL – TEMPAT KERJA DAN KOMUNITI

2.1 Menghormati dan Mengiktiraf Hak Pekerja

2.1.1 Menghormati Hak Pekerja

- Mengiktiraf maruah diri seseorang individu dan menyokong Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu ("PBB"), termasuk melindungi individu yang mempertahankan hak asasi manusia (Human Rights Defender).
- Menghormati dan menegakkan hak semua pekerja, termasuk pekerja kontrak, pekerja sementara dan pekerja migrasi, dengan mengikut teras utama Pertubuhan Buruh Antarabangsa, Prinsip Panduan PBB mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia serta prinsip Buruh Bebas dan Adil dalam Pengeluaran Minyak Sawit sebagai panduan.
- Memastikan pematuhan undang-undang tempatan, nasional dan antarabangsa serta memastikan amalan-amalan terbaik antarabangsa diguna pakai sekiranya rangka kerja undang-undang masih belum dilaksanakan.

2.1.2 Tiada Buruh Paksaan atau Buruh Terikat

- Melarang penggunaan buruh paksaan atau terikat ataupun penyeludupan manusia.
- Mangsa-mangsa, jika ada, akan diberikan bantuan untuk mendapatkan perkhidmatan pemulihan dan akses kepada perlindungan sosial.
- Memastikan tiada sekatan ke atas kebebasan pergerakan pekerja.
- KLK akan menanggung semua bayaran statutori berkaitan majikan dalam pengambilan pekerja. KLK melarang sebarang bayaran atau kutipan oleh kontraktornya, sebarang yuran yang tidak sah, komisyen dan/atau levi yang tidak diamanahkan/haram dari pekerja-pekerjanya. Khidmat kontraktor yang tidak mematuhi peraturan ini akan ditamatkan, jika didapati berbuat demikian.
- Pekerja yang terjejas, sekiranya ada, akan diberi bantuan untuk mendapatkan semula ganti rugi bagi pembayaran yuran/komisyen/levi yang melanggar undang-undang.

- Melarang sebarang potongan upah pekerja dan memegang mana-mana harta, kad pengenalan, pasport atau dokumen perjalanan lain pekerja kecuali diperuntukkan oleh undang-undang.

2.1.3 Tiada Buruh Kanak-kanak

- Melarang penggajian buruh kanak-kanak.
- Melaksanakan tindakan pemulihan beserta tindakan susulan yang sewajarnya untuk melindungi kebajikan kanak-kanak sekiranya terdapat kes buruh kanak-kanak. Ini termasuk akses kepada perlindungan kesihatan dan sosial yang komprehensif dan peluang pendidikan yang bersesuaian dengan usia dan perkembangan mereka.

2.1.4 Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

- Menyediakan persekitaran tempat kerja yang selamat dan sihat.
- Menyediakan kelengkapan perlindungan, peralatan dan pengangkutan ke tempat kerja yang selamat kepada para pekerja tanpa sebarang kos dikenakan ke atas pekerja.
- Memberikan latihan yang berterusan dan maklumat terkini dalam bahasa kebangsaan (atau menggunakan kaedah lain yang dapat difahami oleh pekerja migrasi) mengenai amalan-amalan dan polisi-polisi berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan.
- Melarang penggunaan racun perosak yang sangat bertoksik, terkumpul dan tidak terkawal. Ini termasuk bahan kimia yang disenaraikan seperti yang berikut:
  a) Pertubuhan Kesihatan Dunia Kelas 1A atau 1B, Konvensyen Stockholm atau Rotterdam; dan
  b) Paraquat.
- Menerangkan kepada para pekerja mengenai kandungan racun perosak dan baja yang diaplikasikan serta sebarang risiko kesihatan yang berkaitan.

2.1.5 Kontrak Pekerjaan

- Memastikan butiran mengenai tugas, kadar gaji, waktu bekerja, cuti dan faedah-faedah pekerjaan yang lain diberikan kepada para pekerja secara bertulis dalam bahasa yang difahami oleh mereka.

2.1.6 Kebebasan Kesatuan Sekerja dan Hak Perundingan Kolektif

- Mengiktiraf dan menghormati hak para pekerja untuk membentuk dan menyertai kesatuan sekerja mengikut pilihan mereka sendiri. KLK juga akan mengalu-alukan perundingan secara kolektif dengan para pekerja yang ingin berbuat demikian.
- Kesatuan sekerja diberi akses ke ladang KLK, dan KLK tidak akan bercampur tangan dengan apa-apa penganjuran aktiviti untuk pekerja, wakil pekerja atau wakil kesatuan sekerja. Selain itu, perwakilan pekerja tidak akan didiskriminasi di mana mereka mempunyai akses untuk menjalankan tugas sebagai wakil pekerja di tempat kerja tanpa gangguan.

2.1.7 Kadar Gaji Minimum

- Memastikan para pekerja dibayar gaji bersamaan dengan atau melebihi gaji minimum mengikut peruntukan undang-undang dan dilindungi daripada kecederaan dan penyakit yang berkaitan dengan pekerjaan.

2.1.8 Waktu Bekerja dan Penyimpanan Rekod

- Memastikan waktu bekerja termasuk waktu kerja lebih masa (secara sukarela) dipatuhi dan diberi pampasan mengikut perundangan negara dan para pekerja mempunyai sekurang-kurangnya satu hari rehat dalam setiap minggu.
- Menyimpan rekod waktu bekerja dan gaji untuk semua pekerja.
- Memastikan piawaian hasil ditetapkan dengan adil dan dapat direalisasikan oleh para pekerja dalam tempoh waktu bekerja yang ditetapkan, dan memastikan bahawa gaji minimum dipatuhi dan memberi pampasan yang sewajarnya untuk pekerja yang bekerja lebih masa.

2.1.9 Gangguan dan Keganasan

- Tiada toleransi terhadap sebarang bentuk gangguan, intimidasi atau keganasan.

2.1.10 Kepelbagaian dan Kesamarataan Peluang Pekerjaan

- Mewujudkan peluang pekerjaan yang saksama di tempat kerja. Di samping itu, semua keputusan berhubung dengan pengambilan, gaji, latihan, kenaikan pangkat, pemberhentian atau persaraan dilakukan berdasarkan keperluan perniagaan dan pekerjaan serta kelayakan individu.
- Tiada diskriminasi terhadap asal-usul etnik, kasta, kelainan upaya, kewarganegaraan, bangsa, agama, jantina, orientasi seksual, identiti jantina, kesatuan sekerja, afiliasi politik atau umur.
- Hak-hak reproduksi sejajar dengan perundangan negara terlibat perlu dihormati.

2.2 Menghormati Hak Pribumi dan Komuniti Tempatan

- Mengutamakan kepentingan budaya, adat dan bahasa seseorang individu di negara ataupun kawasan operasi.
- Menghormati, mendukung dan mengiktiraf hak-hak komuniti Pribumi dan tempatan, dengan pegangan prinsip FPIC untuk beroperasi di atas tanah yang mana mereka mempunyai hak-hak dari segi undang-undang, komunal dan adat bertepatan dengan Deklarasi PBB mengenai Hak-Hak Pribumi.
- Mengendalikan proses perbincangan dan perundingan dengan pemilik hak sebelum menjalankan pembangunan baru mengikut prinsip FPIC yang diiktiraf di peringkat antarabangsa dan tidak dikekang oleh rangka kerja undang-undang tempatan. Pemilik hak boleh mendapatkan khidmat nasihat pakar bagi mana-mana peringkat proses tersebut.

2.3 Memudahkan Kemasukan Pekebun Kecil ke dalam Rantaian Pembekalan

- KLK akan berusaha untuk mengadakan rundingan secara berterusan dengan pekebun-pekebun kecil, dan bersama dengan para pihak berkepentingan, menyediakan bantuan teknikal dan sokongan kepada pekebun-pekebun kecil supaya mereka dapat mematuhi Polisi ini.

3. KEBOLEHKESANAN (TRACEABILITY)

KLK bermatlamat untuk mewujudkan rantaian bekalan minyak sawit yang boleh dikesan. Walaupun pengesanan sumber tandan buah kelapa sawit segar ("Fresh Fruit Bunches – FFB") yang dibekalkan oleh pembekal pihak ketiga merupakan suatu cabaran, KLK akan terus bekerjasama dengan semua pembekal pihak ketiga untuk memperbaiki dan meningkatkan mekanisme kebolehkesanan kami.

Pendekatan yang diambil oleh KLK untuk kebolehkesanan:

a. Kilang kelapa sawit

Ia akan bekerjasama dengan pembekal FFB untuk mengesan sehingga tahap ladang kelapa sawit menjelang 31 Disember 2019.

b. Kilang Penapisan

Ia akan bekerjasama dengan rantaian bekalannya untuk mengesan sehingga tahap ladang kelapa sawit menjelang 31 Disember 2020.

c. Minyak Isirung Sawit

Ia akan bekerjasama dengan rantaian bekalannya untuk mengesan sehingga tahap kilang kelapa sawit menjelang 31 Disember 2020.

KLK juga menegaskan bahawa pembekal-pembekal pihak ketiga mengamalkan

4. TADBIR URUS

4.1 Integriti Perniagaan

- Menjalankan perniagaan secara jujur dan beretika serta mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkaitan.

4.2 Menyelesaikan Aduan, Rungutan dan Konflik yang boleh disahkan melalui Proses Terbuka, Telus dan Perundingan

- Berkomited untuk bergabung dan bekerjasama secara aktif dengan para pihak berkepentingan seperti komuniti, kerajaan, pembekal, masyarakat awam dan pekerja dalam menangani semua aduan berteraskan Prinsip Panduan PBB berkenaan Perniagaan dan Hak Asasi Manusia.
- Sehubungan dengan ini, KLK telah mewujudkan proses melalui Polisi Pemberi Maklumat (Whisteblowing Policy) dan Prosedur Aduan (Grievance Procedures) termasuk menyediakan platform untuk menyalurkan aduan, rungutan dan kebimbangan supaya ia dapat ditangani dengan telus dan bertanggungjawab dengan penglibatan pihak berkepentingan yang berkenaan.

5. PERLAKSANAAN DAN PEMATUHAN

5.1 Pelan Perlaksanaan Berjangkamasa

- KLK bersama-sama dengan para pihak berkepentingan berkaitan akan membentuk dan menerbitkan pelan jangkamasa tindakan pada Disember 2018 yang akan menyenaraikan tindakan yang perlu diambil untuk mencapai komitmen-komitmen dalam Polisi ini dengan sepenuhnya pada 31 Disember 2020.

5.2 Protokol Pematuhan

- KLK memandang serius semua komitmen dalam Polisi ini dan akan bekerjasama dengan pihak berkepentingan untuk memastikan pematuhan terhadapnya secara berterusan. Jika terdapat ketidakpatuhan yang kronik atau pelanggaran yang serius, KLK akan mengambil tindakan yang sewajarnya termasuk menyahsenaraikan mereka daripada rantaian bekalan Kumpulan KLK. Sehubungan dengan ini, KLK akan bersama-sama dengan pihak berkepentingan yang lain untuk membentuk dan menerbitkan protokol ketidakpatuhan pada Disember 2018.

5.3 Pengesahan Bebas Pematuhan Polisi

- KLK akan mendapatkan pengesahan daripada pihak ketiga dalam usaha untuk memastikan pematuhan terhadap Polisi ini. KLK menyedari bahawa sistem pengesahan pihak ketiga ini mesti ditubuhkan sebagai usaha tambahan kepada pensijilan RSPO.

6. MEMANTAU, MENILAI & MELAPORKAN

KLK mengakui bahawa perlaksanaan Polisi ini dan keberkesanannya memerlukan sokongan dan kerjasama daripada semua rakan perniagaan. Kami juga menghargai segala input dan cadangan yang membina untuk mempertingkatkan perlaksanaan komitmen-komitmen dalam Polisi ini.

Kami akan sentiasa memantau dan menganalisis proses perlaksanaan Polisi ini. Sehubungan itu, kami juga akan menyemak dan mengubahsuai Polisi ini jika terdapat sebarang perkembangan baru yang dapat menyokong komitmen kami terhadap alam sekitar, masyarakat serta tadbir urus yang baik.

TAN SRI DATO' SERI LEE OI HIAN
Ketua Pegawai Eksekutif

KAWALAN VERSI DOKUMEN	
Versi	**Tarikh Terbitan / Disemak**
1.0	1 Disember 2014
2.0	30 Ogos 2018